

17 AUG 1998

Badminton-Ganjaran

DURIAN RUNTUH BUAT SKUAD BADMINTON NEGARA

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Pasukan badminton lelaki negara yang menjadi naib juara Piala Thomas di Hong Kong Mei lepas mendapat durian runtuh sebanyak RM90,000 hari ini sumbangan Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

Skuad lelaki itu dianggotai oleh sembilan pemain, Ong Ewe Hock, Yong Hock Kin, Roslin Hashim, Wong Choon Hann, Cheah Soon Kit, Yap Kim Hock, Choong Tan Fook, Lee Wan Wah dan Tan Kim Her menerima RM10,000 setiap seorang.

Jun lalu, skuad Piala Thomas tersebut menerima sejumlah RM84,000 melalui skim hadiah kemenangan sukan Majlis Sukan Negara (MSN) di mana setiap pemain menerima RM8,000 seorang, jurulatih RM8,000 dan BAM RM4,000.

Cek itu disampaikan kepada pemain-pemain oleh penaung BAM Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Stadium Badminton Kuala Lumpur di sini hari ini. Turut hadir ialah presiden BAM Datuk Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Beliau yang melawat persiapan pemain badminton negara yang bakal bertanding untuk Kuala Lumpur '98 Sukan Komanwel ke-16 September ini mengingatkan para pemain supaya memberi tumpuan secukupnya dari segi mental dan fizikal untuk sukan tersebut.

"Saya kecewa apabila sesetengah pemain berkata mereka tercedera pada saat akhir dan tidak dapat mewakili negara. Oleh itu saya harap mereka dapat menjaga segala aspek fizikal mereka sekarang," kata Siti Hasmah.

Siti Hasmah menekankan supaya ketahanan mental juga amat perlu bagi menghadapi sukan kedua terbesar di dunia itu.

"Seperti yang disarankan oleh Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad inilah peluang bagi pemain negara memenangi pingat di tempat sendiri," kata beliau.

Beliau juga menegaskan supaya tiga perkara utama iaitu berjuang untuk negara, disiplin tinggi dan tumpuan ketika latihan, mesti disematkan oleh setiap pemain.

Malaysia berharap mendapat tiga pingat emas dari acara berpasukan lelaki, perseorangan lelaki dan beregu lelaki, manakala pemain wanita diharap menyumbang seberapa banyak pingat yang boleh.

-- BERNAMA

SHS ZB